



KELANTAN MILIKI POTENSI BESAR
DALAM INDUSTRI NADIR BUMI NEGARA

PERANTAU MUSLIHUN
DIPERLUKAN, BINA MASYARAKAT
BERBUDAYA ISLAH

PROJEK NAIK TARAF LRA MERBAU
CHONDONG DAHULUI JADUAL,
BUKTI KOMITMEN TINGGI AKSB

MB KELANTAN SANTUNI MANGSA
LETUPAN GAS PUTRA HEIGHT: TUJUH
KELUARGA ANAK PERANTAU DIBANTU

KELANTAN SUMBANG RM500,000 KEPADA SELANGOR, SOLIDARITI TERHADAP MANGSA LETUPAN GAS PUTRA HEIGHTS



Oleh: Norzana Razaly

SHAH ALAM, 13 April – Kerajaan Negeri Kelantan menzahirkan solidariti terhadap mangsa tragedi letupan gas di Putra Heights dengan menyampaikan sumbangan berjumlah RM500,000 kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Menteri Besar Kelantan YAB

Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud kepada Setiuasaha Kerajaan Negeri Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, mewakili Menteri Besar Selangor dalam satu majlis ringkas yang berlangsung di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor, hari ini.

Menurut Dato' Mohd Nas-

suruddin, sumbangan tersebut merupakan tanda keprihatinan dan kebersamaan Kerajaan Negeri Kelantan dalam menghadapi dugaan yang menimpa rakyat, khususnya mangsa-mangsa tragedi tersebut, tanpa mengira sempadan negeri.


Katanya, hubungan baik Kelantan dan Selangor telah lama terjalin terutama melibatkan isu-isu kesejahteraan rakyat.

“Sebagai tanda ingatan solidariti sesama kerajaan negeri dan isu rakyat, kita menyalurkan dan sumbangan ini bagi membantu meringankan beban mangsa dan menyokong usaha pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor,” ujarnya, ketika dihubungi, hari ini.

Dalam perkembangan yang

lain, Kerajaan Negeri Kelantan turut menyampaikan sumbangan kepada tujuh keluarga dalam kalangan warga perantau Kelantan yang terlibat melalui penyampaian cek bernilai RM5,000 serta barangan keperluan kepada setiap keluarga.

Sumbangan itu juga disampaikan sendiri oleh Menteri Besar Kelantan kepada setiap keluarga terbabit sebagai simbolik keprihatinan dan mahabbah Kerajaan Negeri kepada anak-anak perantau yang ditimpa musibah.



LEBIH 1,000 ORANG HADIR MENJAYAKAN PROGRAM CAKNA ALAM SEKITAR 2025



Oleh: Asyura Muhamad

PASIR PUTEH, 13 April – Program Lokal Agenda 21 (LA 21)-Cakna Alam Sekitar 2025 yang berlangsung di Taman Rhu Rehlah, Pantai Bisikan Bayu, semalam telah berjaya menarik lebih 1,000 orang peserta.

Ketua Jajahan Pasir Puteh merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), Mohd.

Roshdi Ismail mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat, terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan- Bahagian Kesejahteraan Komuniti, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), JPN, PPD dan pihak sekolah serta ibu bapa yang telah hadir menjayakan program tersebut.



“Saya dimaklumkan bahawa untuk pendaftaran awal bagi larian alam sekitar, pihak penganjur telah menerima 955 penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah rendah di pelbagai daerah negeri ini termasuk dari daerah Besut, Terengganu.

Tahniah kepada sekolah yang telah berjaya menghantar penyertaan paling ramai iaitu Sekolah Kebangsaan Alor Perai, Besut yang telah menghantar seramai 282

pelajar sekaligus menerima wang saguhati bernilai RM500 daripada pihak penganjur atas penyertaan pelajar paling ramai,” katanya.

Tambah beliau lagi, selain larian alam sekitar, terdapat pelbagai aktiviti lain yang berjalan serentak pada hari tersebut seperti gotong royong, kempen kitar semula minyak terpakai, kempen kutipan pakaian terpakai dan penanaman semula pokok bagi penghijauan alam sekitar.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak Yang Berhormat Nor Sham Sulaiman dan ADN Limbongan, Yang Berhormat Nor Asilah Mat Zain yang turut hadir di program tersebut mengajak orang ramai agar dapat menjaga alam sekitar dan mengekalkan keindahan bumi hijau khususnya di Pasir Puteh.

PERANTAU MUSLIHUN DIPERLUKAN, BINA MASYARAKAT BERBUDAYA ISLAH

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DAMANSARA, 13 April – Kerajaan Negeri Kelantan memerlukan lebih ramai golongan Muslimun dalam kalangan anak Kelantan di perantauan bagi memperkasa usaha membina serta menyuburkan budaya memperbaiki segala bentuk kerosakan dalam negeri dan masyarakat secara bersama, selaras dengan prinsip tanggungjawab kolektif umat Islam.

Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan, YB Mohd Asri bin Mat Daud berkata, kelompok Muslimun yakni mereka yang membawa nilai pembaikan amat penting dalam menyokong agenda pembangunan negeri berpaksikan dasar Membangun Bersama Islam.

“Kerajaan amat memerlukan ramai Muslimun dalam kalangan anak-anak Kelantan di perantauan. Budaya memperbaiki apa sahaja kerosakan dalam negeri dan masyarakat bukan hanya tanggungjawab kerajaan semata-mata, bahkan suatu kewajiban bersama,”



tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-19 Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN) di NAFAS Function Hall, Kota Damansara pada Sabtu.

Seramai 190 perwakilan daripada 45 cawangan PERAKAN seluruh negara hadir dalam mesyuarat tersebut yang berlangsung dalam suasana penuh ukhuwah dan semangat kenegerian.

YB Mohd Asri turut merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan PERAKAN terhadap dasar serta hala tuju Kerajaan Negeri,

dan menyeru agar dukungan padu kepada pentadbiran negeri diteruskan, khususnya dalam menjayakan gagasan Membangun Bersama Islam.

“Tahniah kepada pimpinan baharu sesi 2025-2028 yang diumumkan sekejap tadi. PERAKAN menjadi penghubung antara anak-anak Kelantan di perantauan dengan Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam menyatukan rakyat kita.”

Tambah beliau, fungsi PERAKAN juga semakin luas dan strategik apabila berjaya menganjurkan pelbagai program pembangunan ilmu, menyantuni kebajikan per-



antau serta memperkukuh jati diri anak Kelantan menerusi semangat hubbul watan (cinta akan tanah air).

“Peranan ini diluaskan dengan perkongsian kepakaran dan membawa agenda cintakan negeri ‘Hubbul Watan’ ke tengah masyarakat perantau. Ini adalah khidmat bakti yang cukup besar dan sangat dihargai oleh Kerajaan Negeri.”

Beliau menzahirkan harapan agar PERAKAN terus kekal menjadi tulang belakang kepada jaringan perantau yang progresif, berpandangan jauh dan setia kepada aspirasi negeri Kelantan dalam segala keadaan.

PROJEK LEBUH RAYA KB-KK PAKEJ 2B: KERAJAAN NEGERI SAMBUT BAIK PERKEMBANGAN TERBAHARU



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 April – Kerajaan Negeri Kelantan menyambut baik perkembangan terbaharu berhubung pembinaan projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KB-KK) bagi Pakej 2B yang melibatkan jajaran Ketereh-Kok Lanas, yang kini telah berjaya ditender semula kepada kontraktor baharu.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr. Izani Hussin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui kerjasama erat dengan Ke-

menterian Kerja Raya serta Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan kesinambungan projek tersebut demi kepentingan rakyat.

Menurutnya, projek berimpak tinggi itu sebelum ini mengalami kelewatan berikutan penamatan kontraktor terdahulu, namun kini kembali disambung selepas proses penilaian semula dan pemilihan kontraktor baharu yang dilaksanakan oleh pihak berkaitan.

“Kerja-kerja pembinaan telah pun dimulakan pada Februari 2025, dengan tempoh siap yang disasarkan pada Ogos 2026. Perkembangan ini pastinya melegakan para pengguna jalan raya, lebih-lebih lagi rakyat Kelantan yang telah sekian lama menantikan penyempurnaan projek ini,” katanya ketika dihubungi, hari ini.


Menurut beliau lagi, lebuhraya

ini bukan sahaja akan meningkatkan akses dan keselamatan pengguna jalan raya, malah berpotensi besar menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar. Ia juga dijangka membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat serta menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalu lintas, khususnya ketika musim perayaan dan cuti sekolah.

“Kerajaan negeri akan terus memantau pelaksanaan projek berkenaan dengan teliti serta memastikan kerjasama rapat dengan semua agensi pelaksana dikekalkan agar segala perancangan dapat dilaksanakan mengikut jadual dan mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

“Ini adalah antara komitmen kerajaan negeri dalam memperjuangkan keperluan infrastruktur strategik yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Kita faham Lebuhraya KB-KK merupakan antara projek infrastruktur terpenting di Pantai Timur dan penyambung utama kepada jaringan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) yang bakal melonjakkan lagi daya saing negeri Kelantan dalam aspek logistik, pelaburan serta mobiliti rakyat,” ujarnya.



KELANTAN MILIKI POTENSI BESAR DALAM INDUSTRI NADIR BUMI NEGARA

Oleh: Norzana Razaly

HULU PERAK, 16 April - Kelantan berpotensi besar untuk muncul sebagai pemain utama dalam industri perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) kerana dikenal pasti mempunyai simpanan kedua tertinggi di negara ini selepas Terengganu.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan YB Hilmi Abdullah susulan lawatan kerja beliau bersama delegasi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) ke tapak perlombongan NR-REE milik MCRE Resources Sdn Bhd di Kenering, Hulu Perak pada Selasa.

“Sumber mineral nadir bumi di Kelantan dianggarkan sebanyak 2.5 juta tan dengan nilai pasaran semasa kira-kira RM129 bilion.

“Ini menjadikan Kelantan sebagai negeri kedua terkaya dengan sumber ini selepas Terengganu



yang memiliki sekitar 7 juta tan,” katanya.

Menurut beliau, nilai ekonomi keseluruhan NR-REE di seluruh negara dianggarkan boleh mencecah RM810 bilion jika diurus secara berhemah dan mampan, sejajar dengan permintaan global yang semakin meningkat terhadap bahan mineral strategik ini.

YB Hilmi turut memuji kaedah perlombongan mesra alam yang diguna pakai oleh MCRE, iaitu kaedah In-Situ Leaching (ISL), yang tidak memerlukan pengorekan terbuka atau penebangan hutan secara besar-besaran.

“Teknologi ISL yang diguna-

kan oleh MCRE melibatkan penyuntikan larutan ammonium sulfat ke dalam tanah untuk melarutkan REE, yang kemudiannya diekstrak ke permukaan. Ia tidak menghasilkan sisa pepejal dan jauh lebih lestari berbanding kaedah perlombongan konvensional,” jelasnya.

Tambah beliau, pendekatan tersebut wajar dijadikan model kepada negeri-negeri lain, termasuk Kelantan, dalam merangka dasar perlombongan lestari agar sumber mineral yang berharga itu dapat dimanfaatkan secara optimum tanpa menjejaskan alam sekitar.

Katanya lagi, MCRE Resources Sdn Bhd merupakan syarikat tem-

patan pertama yang diberi lesen perintis oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan perlombongan NR-REE secara sah.

Tapak utama syarikat itu di Kenering meliputi kawasan seluas 2,161 hektar dan telah memulakan operasi pada Mac 2022.

“Lawatan kerja ini adalah langkah proaktif yang menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan untuk meneroka potensi besar dalam sektor mineral strategik negara dengan berpaksikan prinsip kelestarian, pematuhan perundangan alam sekitar serta manfaat jangka panjang kepada rakyat dan negeri,” tegasnya.



KELANTAN PERLU LEBIH RAMAI USAHAWAN TANI — EXCO PERTANIAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 April – Kelantan memerlukan lebih ramai usahawan tani khususnya dalam bidang penternakan bagi meningkatkan pengeluaran sumber makanan tempatan, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Menurutnya, jumlah usahawan tani di negeri ini masih berada pada tahap minimum, terutamanya da-

lam bidang ternakan ayam penelur yang menjadi antara sumber utama protein rakyat.

“Kita memerlukan lebih ramai individu dalam kalangan masyarakat untuk melibatkan diri dalam sektor penternakan, khususnya ayam penelur.

“Apabila jumlah pengusaha bertambah, ia secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan pasaran tempatan. Malah, telur yang dihasilkan oleh penternak tempatan juga lebih berkualiti,” katanya menerusi hantaran di laman media so-

sial rasmi pada Isnin.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Naw, Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Norbahani Zakaria telah mengadakan lawatan kerja sempena Jelajah Eksplorasi Tani Tumpat di sekitar kawasan Wakaf Bharu.

Antara lokasi yang dikunjungi ialah kebun anggur Kelantan Grape Vineyard milik usahawan muda Wan Yusuf Abd Rahman, yang kini menanam lebih 40 varieti anggur dengan jumlah keseluruhan 200 pokok menggunakan kaedah fertigasi moden.

“Kita perlu bersama-sama memperjuangkan agenda keterjaminan makanan negara melalui penglibatan aktif dalam bidang pertanian dan penternakan,” ujarnya.

Antara lokasi yang dikunjungi ialah kebun anggur Kelantan Grape Vineyard milik usahawan muda Wan Yusuf Abd Rahman, yang kini menanam lebih 40 varieti anggur dengan jumlah keseluruhan 200 pokok menggunakan kaedah fertigasi moden.



PROJEK NAIK TARAF LRA MERBAU CHONDONG DAHULUI JADUAL, BUKTI KOMITMEN TINGGI AKSB

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 April – Projek naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong yang kini giat dilaksanakan oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) mencatatkan kemajuan memberangsangkan apabila pembinaannya berjaya mendahului jadual yang ditetapkan.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, kemajuan itu membuktikan tahap komitmen tinggi pihak AKSB serta kontraktor pelaksana dalam memastikan projek tersebut dapat disiapkan segera demi kesejahteraan pengguna.

“Kemajuan projek ini menunjukkan kesungguhan semua pihak untuk menyelesaikan isu bekalan air yang membelenggu kawasan terlibat, khususnya di sekitar Machang.

“Saya yakin apabila projek ini siap sepenuhnya nanti, ia akan memberi manfaat kepada penduduk Machang, sebahagian Pasir



Puteh, kawasan Kota Bharu Selatan serta institusi pengajian tinggi seperti UiTM Machang, Kolej Matrikulasi Kelantan dan Politeknik Kok Lanas,” katanya menerusi satu hantaran di laman media sosial rasmi beliau, hari ini.

Projek penaiktarafan yang menelan belanja RM9.45 juta itu dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan, dan bertujuan meningkatkan kapasiti loji daripada 45 juta liter sehari (JLH) kepada 70 JLH.

Tambah beliau, projek yang bermula pada November 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada

penghujung tahun 2026 itu turut menyasarkan penyelesaian terhadap isu “air hitam” yang berpunca daripada kehadiran unsur asing dalam sumber air mentah.

Terdahulu, YB Dato' Dr Izani turut melakukan lawatan tapak bagi meninjau perkembangan semasa kerja-kerja pembinaan dan penaiktarafan loji berkenaan bersama pasukan teknikal AKSB.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa AKSB kini giat melaksanakan Pelan Induk AKSB 2021–2030 yang melibatkan pelaburan keseluruhan berjumlah RM5.03 bilion.



“Pelan ini merangkumi projek strategik seperti pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), penaiktarafan loji rawatan air sedia ada serta pengurangan kadar Air Tidak Terhasil (NRW), ke arah sistem bekalan air yang lebih cekap dan lestari.

“AKSB terus komited memastikan setiap projek berjalan mengikut jadual. Dengan sokongan padu kerajaan negeri dan kerjasama semua pihak, kita percaya usaha ini mampu menyelesaikan secara berperingkat isu bekalan air yang telah lama membelenggu rakyat Kelantan,” ujarnya.

MB KELANTAN SANTUNI MANGSA LETUPAN GAS PUTRA HEIGHT: TUJUH KELUARGA ANAK PERANTAU DIBANTU



Oleh: Norzana Razaly

SHAH ALAM, 13 April - Kerajaan Kelantan sentiasa mendahulukan kebajikan rakyat tanpa mengira sempadan geografi.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd. Nassuruddin Daud bersama para pemimpin Kelantan turun padang menyantuni tujuh keluarga warga Kelantan yang terkesan dalam tragedi letupan paip gas di Putra Heights, Selangor.

Turut mengiringi, Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd

Asri Md Daud bersama pemimpin negeri yang lain.

Menerusi program Ziarah Mahabbah kelolaan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu Menteri Besar Kelantan menyampaikan sumbangan cek RM5000 berserta barangan keperluan rumah dan dapur kepada setiap keluarga, di Nexus Regency Hotel, Shah Alam, hari ini.

Sumbangan itu adalah hasil kerjasama di antara Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim dengan Pertubuhan Kebajikan Isteri-isteri Wakil

Rakyat Negeri Kelantan (PURNAMA).

Dalam ucapannya, Dato' Mohd Nassuruddin berpesan agar mangsa bersabar sementara pihak kerajaan berusaha membantu sewajarnya.

“Teruskan berdoa semoga diberi kekuatan atas ujian yang menimpa. Kita di pihak kerajaan negeri memang sentiasa cakna dan prihatin kepada semua rakyat Kelantan termasuklah anak-anak Kelantan di perantauan,” ujarnya.

Beliau juga merakam penghargaan kepada Persatuan Anak Kelantan di Perantauan Malaysia

(PERAKAN) yang menjadi penghubung utama dalam mengesan serta membantu mangsa-mangsa tragedi tersebut.

Tujuh keluarga terbabit ialah dua dari Kampung Lata Janggut, Kuala Balah, Jeli manakala dua lagi dari Tanah Merah iaitu penduduk Kampung Bukit Gading dan Kampung Belimbing Dalam serta masing-masing sebuah keluarga dari Kampung Jejawi, Alor Pasir, Pasir Mas, Kampung Wakaf Bata, Kelewek, Machang dan Kampung Gong Pasir, Pasir Puteh.

Mereka kini ditempatkan sementara di Dewan Camelia dan Dewan Masjid Putra Heights, Puchong meluahkan rasa terharu dan penuh syukur atas keprihatinan pemimpin negeri.

“Payah nak jumpa kerajaan yang cakna seperti Kerajaan Kelantan sekarang. Rakyat susah yang jauh pun MB datang bantu,” kata salah seorang mangsa.

USAHAKAN TANAH, JANGAN JUAL – MB KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 17 April – “Kerajaan memberi geran untuk diusahakan, bukan untuk dijual,” demikian peringatan tegas Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud kepada para penerima geran hak milik tanah di Pasir Puteh, hari ini.

Beliau menegaskan, pemberian geran tanah oleh kerajaan negeri adalah satu bentuk bantuan dan tanggungjawab sosial kepada rakyat yang meneroka tanah kerajaan, namun semangat tersebut akan terbatal jika tanah berkenaan kemudiannya dijual.

“Kerajaan memberi geran kepada pemilik supaya mereka mengusahakan tanah tersebut jika tanah tersebut merupakan tanah lot pertanian.

Jika lot bangunan, buatlah rumah dan jangan jual.

“Hasrat kerajaan bagi tanah adalah untuk membantu, tetapi kalau kita teroka tanah kerajaan dan dapat geran, tanah itu dijual, jadi ia tidak mencapai hasrat kerajaan untuk membantu,” katanya dalam Majlis Penyampaian Geran Hak Milik Tanah sempena Lawatan Kerja ke Jajahan Pasir Puteh dan stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Pada majlis tersebut, seramai 30 peneroka tanah kerajaan di jajahan terbabit menerima geran mas-



ing-masing.

Tambahnya, kerajaan negeri telah menetapkan bahawa sebarang penjualan tanah yang sudah bergelar hak milik hanya boleh dilakukan selepas tempoh sepuluh tahun.

“Itupun masih ada yang buat permohonan kepada Exco untuk menjual dengan pelbagai alasan, namun kita tolak permohonan tersebut,” jelasnya.

Sementara itu, penerima yang ditemui menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas keprihatinan menyelesaikan status pemilikan tanah mereka.

Zairul Azhar dari Kampung Permatang Sukai, yang mewakili Allahyarham bapanya yang meneroka tanah sejak 30 tahun lalu.

“Alhamdulillah dan gembira sangat-sangat apabila menerima geran hari ini. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan,” ujarn-

ya.

Seorang lagi penerima, Asiah Awang Teh dari Kampung Banggol Stol berkata, beliau mewakili arwah abangnya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas penyampaian geran.

“Alhamdulillah setelah 20 tahun, akhirnya dapat geran hari ini,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Dato’ Mohd Nassuruddin memaklumkan bahawa pembinaan prasarana strategik itu akan memberi manfaat besar dari segi pengangkutan dan mobiliti rakyat.

“Dengan siapnya projek ini akan dapat menjimatkan masa perjalanan ke Kuala Lumpur iaitu memakan masa empat jam sahaja.

“Jadi perjalanannya selesai dan selamat, kerana mengikut satu kajian, kereta api adalah kenderaan

“

Hasrat kerajaan bagi tanah adalah untuk membantu, tetapi kalau kita teroka tanah kerajaan dan dapat geran, tanah itu dijual, jadi ia tidak mencapai hasrat kerajaan untuk membantu,”

yang paling selamat berbanding dengan kenderaan lain sama ada udara mahupun darat,” ujarnya.

Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh dan menerima taklimat pembangunan jajahan daripada Ketua Jajahan Kamaruzaman Abdul Wahab.

Lawatan diteruskan ke Stesen ECRL Pasir Puteh dan beliau menerima taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Dato’ Sri Darwis Abdul Razak.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail; Ahli Parlimen Pasir Puteh, YB Dato’ Dr Nik Zawawi Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MRL Dato’ Sri Darwis Abdul Razak dan Ahli-ahli Dewan Negeri serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.



PELIHARA KEASLIAN DIKIR BARAT, ELAK DICEMARI UNSUR NEGATIF – TIMBALAN MB

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 14 April – Dikir barat, seni warisan rakyat Kelantan yang kaya dengan mesej dakwah dan nilai murni, perlu dipelihara keasliannya dan tidak dicemari unsur negatif.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa dikir barat ialah wadah seni yang mendidik, menyampaikan mesej Islam dan membentuk sahsiah.

“Namun sayangnya, ada pihak yang menyalahgunakannya dengan memasukkan unsur lucah dan kata-kata celupar yang menyeleweng daripada matlamat asal,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa Islam tidak pernah meminggirkan kebudayaan.

“Rasulullah SAW bersabda bahawa sesiapa yang memulakan satu amalan yang baik, maka dia akan mendapat pahala amalan itu dan juga pahala orang lain yang mengikutinya. Sebaliknya, jika dia memulakan keburukan, dia menanggung dosa dirinya dan orang yang menuruti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Kebudayaan Islam 2025 anjuran Yayasan Tok Kenali dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan dan rakan penaja Kilang Padi Beras Darul Naim Sdn. Bhd. di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, hari ini.

Menurutnya lagi, pada era pentadbiran mantan Menteri Besar almarhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, dikir barat



telah diberi nafas baharu sebagai medium dakwah menerusi lirik-lirik yang mendidik melalui penubuhan Kumpulan Dikir Barat Halaqat yang dianggotai oleh imam dan guru halaqat.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru para penggiat seni untuk memainkan peranan memelihara keaslian dikir barat agar generasi akan datang tidak mewarisi versi yang telah rosak daripada segi akhlak dan estetika budaya.

“Kita tidak mahu dikir barat suatu hari nanti dikenang hanya kerana tarian dan lirik tidak senonoh. Ia asalnya adalah seni yang luhur dan menjadi suara masyarakat dalam menyampaikan nasihat, peringatan dan nilai-nilai hidup,” katanya.

Tambahnya, keunikan dikir barat sebagai warisan eksklusif rakyat Kelantan menjadikan seni ini identiti yang harus dibanggakan, dipertahankan dan dimartabatkan.

“Sehingga kini, tiada negeri lain yang mampu mendakwa dikir barat sebagai milik mereka. Ini keistime-

waan kita. Maka, sewajarnya ia dipelihara dalam bentuk yang asal dan tidak diseleweng oleh pengaruh luar,” jelas beliau.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli juga berharap seminar berkenaan menjadi medan pencerahan yang signifikan dalam menelusuri hubungan erat di antara seni, budaya dan Islam dalam membina tamadun masyarakat yang berakhlak dan berjati diri.

“Kalau kita sebut nasi dagang, songket atau batik, banyak negeri lain akan mengaku itu milik mereka juga. Tapi kalau sebut dikir barat, semua akan tahu itu adalah warisan Kelantan. Jadi, kita kena jaga kemurnian ini,” katanya.

Seminar tersebut turut menampilkan tokoh ilmuwan seperti Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG) Prof. Emeritus Dato' Dr Johari Mat dan Timbalan Mufti Negeri Pahang Dato' Badlishah Alaudin. Manakala moderatornya, Mohd Hariri Mohamad Daud.

Terdahulu, mantan Menteri di

“

Kita tidak mahu dikir barat suatu hari nanti dikenang hanya kerana tarian dan lirik tidak senonoh. Ia asalnya adalah seni yang luhur dan menjadi suara masyarakat dalam menyampaikan nasihat, peringatan dan nilai-nilai hidup,”

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dato' Seri Dr Zulkipli Mohamad al-Bakri membuka tirai wacana dengan syarahan bertajuk Kebudayaan dan Kesenian Menurut Kacamata Islam, yang menegaskan bahawa Islam tidak menolak seni selagi ia sejajar dengan fitrah insan yang menyukai hiburan yang bermanfaat.

Dato' Badlishah pula menekankan kepentingan peranan alim ulama dan para asatizah dalam membimbing masyarakat seni agar tidak menyimpang dari landasan syariah.

Sementara itu, Prof. Emeritus Dato' Dr Johari menyeru agar identiti masyarakat Kelantan yang terserlah melalui budaya dan seni tempatan dipelihara melalui dasar-dasar berkaitan yang lebih dinamik.

“Usaha kerajaan negeri mengubal semula Enakmen Kawalan Hiburan 1998 ialah untuk mengawal bukan menyekat, supaya rakyat boleh berhibur mengikut batas agama,” ujarnya.





USAHAKAN TANAH, JANGAN JUAL
— MB KELANTAN

LAPAN ACARA DIPERTANDINGKAN DI SUKAN MUHIBBAH KELANTAN-NARATHIWAT

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 April 2025 – Sebanyak lapan acara sukan akan dipertandingkan dalam Temasya Sukan Muhibbah Malaysia-Thailand yang melibatkan penyertaan di antara Negeri Kelantan dan Wilayah Narathiwat pada 17 hingga 18 Mei 2025, di Stadium Utama Sungai Kolok, Narathiwat.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, acara yang dipertandingkan merangkumi sukan bertaraf antarabangsa, sukan tradisional serta acara kesenian yang mampu mengukuhkan semangat kejiranan serantau.

“Mesyuarat penyelarasan telah memuktamadkan lapan acara utama yang akan berlangsung sepanjang temasya tersebut. Ia terdiri daripada sepak takraw terbuka, bola sepak (kategori pegawai dan veteran),



badminton lelaki dan wanita, serta pentaque lelaki dan wanita.

“Bagi acara sukan tradisional, pertandingan akan melibatkan acara tarik tali, lari dalam guni, lari sambil membawa air, serta persembahan kesenian yang mencerminkan warisan budaya kedua-dua wilayah,” jelas beliau menerusi hantaran di laman sosial rasminya pada Isnin.

Menurut YB Zamakhshari, pengajuran temasya ini bukan sekadar mempererat hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand, bahkan berperanan sebagai jambatan

perpaduan antara masyarakat dua wilayah serumpun.

“Diharapkan Sukan Muhibbah ini menjadi wahana memperkukuh hubungan antara rakyat Malaysia dan Thailand, khususnya Negeri Kelantan dan Wilayah Narathiwat. Kita bina perpaduan merentasi sempadan menerusi sukan, budaya dan semangat kejiranan demi kesejahteraan dan keamanan serantau,” katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Sukan Muhibbah Malaysia-Thailand yang di-



adakan di Narathiwat bersama delegasi dari Kelantan.

Turut hadir, Pengarah Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN), Mohd Sabilly Ramli; Pengarah Urus Setia Belia dan Sukan (U-BES), Mohd Kamal Mohamed; serta Timbalan Pengarah U-BES, Firdaus Nawi.

Antara keputusan penting yang dimuktamadkan dalam mesyuarat tersebut termasuk pemilihan lokasi pertandingan, jenis acara sukan yang dipertandingkan, jumlah penyertaan atlet, serta susunan majlis perasmian dan penutup temasya.

KELANTAN MAHU JADIKAN SUKMA 2028 PERINTIS SUKAN MESRA ISLAM



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 17 April – Kelantan bercadang menjadikan pengajuran temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2028 sebagai perintis kepada pelaksanaan konsep Sukan Mesra Islam bersempena pemilihan negeri ini sebagai tuan rumah temasya sukan berprestij tersebut.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad, Persidangan Meja Bulat Siri ke-2: Pelaksanaan Polisi dan Dasar Sukan Mesra Islam Kelantan merupakan medan ilmiah dan strate-

gik dalam membentuk hala tuju baharu sukan negeri berteraskan nilai-nilai Islam.

“Persidangan ini adalah sebagai satu usaha kerajaan negeri untuk meneraju perubahan dalam industri sukan di tanah air.

“Ia menghimpunkan pembentang, fasilitator dan juga peserta daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam isu sukan mesra Islam,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Diskusi yang menghimpunkan pelbagai pemikiran dan pandangan konstruktif ke arah menggubal dasar sukan yang menyeluruh, seiring prinsip syariah dan sensitiviti budaya setempat itu berlangsung di sebuah hotel di Tunjung, hari ini.

Beliau optimis persidangan berkenaan berperanan sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan menyeluruh dasar sukan mesra Islam menjelang pengajuran SUK-

MA 2028, sekali gus memperkukuh komitmen Kelantan dalam menterjemah strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam ke dalam sektor sukan tanah air.

Sementara itu, Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan (SPARK), Dr. Mohd Huzairi Husain yang mengetuai delegasi Panel Pakar Rujuk Pembangunan Dasar memaklumkan pihaknya telah pun mengadakan kunjungan ke Pejabat Mufti Negeri Kelantan pada Rabu lalu bagi mendapatkan panduan dan nasihat syariah berkaitan garis panduan Islam dalam sukan.

“Antara panel pakar yang hadir dalam kunjungan semalam ialah Professor Perubatan Sukan, Fakulti Perubatan Universiti Malaya Prof. Dr. Abdul Halim Mokhtar, Professor Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Prof. Dr. Ishak Sulaiman, Dr. Norazam Khair

Mohd Ithnin, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Pensyarah Kanan Fakulti Sains, Sukan dan Eksesais Universiti Malaya Dr. Mohd Naufal Yunos.

“Sarjana ini juga yang mengetuai Sesi Fokus hari ini yang melibatkan kumpulan atlet dan pasukan sokongan sukan renang, gimnastik, terjun, basikal dan lumba lari, dengan penekanan terhadap kepelbagaian etnik dalam pelaksanaan dasar,” jelasnya ketika ditemui selepas majlis perasmian persidangan.

Tambahnya, Kelantan mahu menjadi negeri perintis dalam memperkenalkan budaya sukan yang mesra Islam sebagai satu model kepada pemain industri sukan negara.

“Kelantan mahu mencadangkan satu pilihan kepada atlet Muslim untuk membudayakan amalan bersukan yang mesra Islam,” katanya.